

Headline	Cabar kemampuan diri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	B10	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,573



## Cabar kemampuan diri

**Jerry** menegaskan, selain mencari kepuasan diri, objektif menyertai perlumbaan yang sangat getir itu adalah semata-mata mahu mencabar kemampuan dirinya sendiri.

Ahli Red Ribbon Youth Club di bawah Yayasan Aids Malaysia ini berkata, selain itu, dia juga mahu sebarkan semangat positif kepada mereka yang berjuang melawan penyakit terabit.

“Jika saya boleh melakukannya, saya percaya sesiapa sahaja boleh melakukannya asalkan punya semangat yang

tinggi,” katanya.

### **Bukan lembik seperti disangka**

Jerry juga berharap penyertaannya dalam perlumbaan itu dapat mengubah tanggapan sebahagian orang di sekelilingnya yang melihat dirinya sebagai lembik dan tidak aktif dalam aktiviti fizikal.

“Selalunya kami dicop sebagai tidak aktif dan lembik, namun sebenarnya masing-masing punya kekuatan tersendiri. Saya juga tidak menyangka mampu menamatkan larian sedangkan 20 peratus peserta

menarik diri kerana tidak tahan dengan cabaran sepanjang perlumbaan,” katanya.

Dia berkata, golongan belia boleh menjadi penyumbang aura positif bukan setakat platform larian semata-mata.

“Tak kisah apa sahaja kelebihan yang ada, gunakan untuk membantu membangunkan semangat orang muda dan menyebarkan semangat ‘Yakin Boleh’.

“Saya tidak mampu menamatkan perlumbaan tanpa sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh keluarga, pensyarah dan Yayasan Aids Malaysia,” katanya.



Peserta berehat sambil **menikmati makanan** yang dimasak sendiri.

Headline	Cabar kemampuan diri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	B10	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	373 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,858
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,573

